

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT RAI DEEPAVALI DENGAN SUMBANGAN PEK BARANGAN ASAS, PERADUAN ISTIMEWA DAN VIDEO BERTEMA KEHARMONIAN, KEKELUARGAAN

KUALA LUMPUR, 17 Oktober 2025 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) meneruskan komitmennya untuk mencipta ‘Kehidupan Lebih Baik, Bersama’ sempena sambutan Deepavali tahun ini, melalui pelbagai inisiatif kemasyarakatan yang menonjolkan nilai keharmonian, kekeluargaan dan kemajmukan masyarakat Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank Muamalat untuk menyantuni komuniti berbilang kaum, satu program sumbangan **pek barangan asas** telah dilaksanakan untuk membantu keluarga asnaf dan B40 di sekitar ibu kota ketika musim perayaan. Pek berkenaan mengandungi keperluan seperti beras, minyak masak, gula, tepung, susu, bihun dan barangan dapur lain, hasil sumbangan sukarela kakitangan Bank Muamalat menerusi kempen dalaman “*Kongsi Rezeki*”.

Menurut Presiden dan **Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat**, Datuk Khairul Kamarudin, sumbangan tersebut mencerminkan keprihatinan Bank Muamalat terhadap komuniti tanpa mengira bangsa dan agama.

“Dengan semangat ‘*Kehidupan Lebih Baik, Bersama*’ yang menjadi teras kepada setiap inisiatif Bank Muamalat, program seumpama ini bukan sekadar menyampaikan bantuan material, tetapi juga membina jambatan kemanusiaan antara masyarakat berbilang kaum. Ia mengukuhkan nilai empati dan kesepaduan sosial. Sebagai institusi perbankan Islam penuh, usaha ini menzahirkan komitmen Bank dalam memupuk kesejahteraan masyarakat serta memperkukuh kepercayaan bahawa perpaduan dan saling menghormati adalah asas kepada komuniti yang harmoni,” katanya.

Menambah keceriaan sambutan, Bank Muamalat turut melancarkan sebuah **video khas sempena Deepavali bertajuk ‘Misi Muruku’** yang dihasilkan sepenuhnya oleh **kakitangan Bank Muamalat sendiri**. Video ini membawa tema keharmonian kaum, nilai kekeluargaan dan kemajmukan, dengan mesej utama bahawa keindahan sebenar perayaan bukan hanya pada sambutan, tetapi pada semangat saling memahami dan menghormati.

Langkah ini menyerlahkan identiti Bank Muamalat sebagai institusi perbankan Islam yang inklusif, prihatin dan dekat dengan masyarakat.

Bagi menghargai sokongan pelanggan dan orang ramai, Bank Muamalat turut menganjurkan **Peraduan Follow & Win: Mega Deepavali Giveaway**, menawarkan hadiah utama dua buah **iPad A16 128GB**. Peraduan ini terbuka kepada semua pelanggan dan pengikut media sosial Bank Muamalat sebagai tanda penghargaan atas kesetiaan dan sokongan berterusan.

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

Melalui pelbagai inisiatif ini, Bank Muamalat berharap dapat memperkukuh hubungan baik dengan masyarakat serta menzahirkan komitmen terhadap nilai-nilai kemanusiaan, perpaduan dan kesejahteraan sejagat.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif Deepavali Bank Muamalat, pelanggan boleh melayari www.muamalat.com.my atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.